AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 26 | RABU 27 JUN, 1984. | رابو 28 رمضان 1404 | PERCUMA



## KUNJUNGAN HORMAT WANITA THAI

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abd. Aziz telah menerima kunjungan hormat beberapa orang ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Kebangsaan Wanita Negeri Thai di Istana Darul Aman pada hari Jumaat lepas.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain.

Majlis kunjungan itu diakhiri dengan bertukar-tukar cenderamata antara Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dan rombongan pelawat (gambar atas).

Rombongan seramai 40 orang ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Kebangsaan Wanita Negeri Thai yang diketuai oleh Presidennya, Puan Prapak Skulratna tiba pada hari Jumaat lepas untuk lawatan selama tiga hari ke negara ini.

Lawatan yang julung-julung kalinya diadakan itu adalah bagi mengeratkan hubungan serta memerhati perkembangan pertubuhan kebajikan di negara ini.

Di samping mengadakan lawatan ke beberapa tempat yang menarik, rombongan dari Negeri Thai itu juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein di Pejabat Yang Berhormat itu.

Rombongan dari Negeri Thai itu berlepas pulang pada hari Ahad lepas.

## ISTIADAT MENGADAP DI ISTANA NURUL IMAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien telah berkenan menerima mengadap Menteri Bagi Bahan Asli dan Minyak Pakistan, Dr. M. Asad Khan dan Kuasausaha Perdagangan di Kedutaan Pakistan di Singapura, Dr. Mohammad Zubir di Istana Nurul Iman pada hari Sabtu lalu.

Pelawat-pelawat dari Pakistan itu telah diiringi oleh Menteri Pembangunan, Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib.

Turut berangkat di majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Dr. Asad Khan dan Dr. Mohammad Zubir tiba di sini pada malam Sabtu lalu dalam rangka lawatan ke beberapa buah negara di rantau ini. Lawatan selama dua hari ke negara ini ialah bagi mendapatkan maklumat mengenai perindustrian minyak negara ini dan mengadakan rundingan dengan pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad.

Terdahulu sebelum Istiadat Mengadap itu, Menteri Bagi Bahan-Bahan Asli dan Minyak Pakistan dan Kuasausaha Perdagangan Pakistan itu telah mengadakan rundingan dengan Pengarah Unit Petroleum, Awang Abd Kani bin Haji Mohd Salleh dan setelah itu mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Dr. Asad Khan dan Dr. Mohammad Zubir juga telah mengadakan rundingan dengan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Awang Peter Everett dan lain-lain pegawai kanan syarikat tersebut.

Mereka telah berlepas pulang pada hari Ahad lalu.

## ANGKA TUNJUK NAIK LAGI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjuk Harga Barang-barang Pengguna bagi bulan Mei, 1984 ialah 142.4 mata dan ini adalah lebih tinggi sebanyak 0.2 peratus dari angka tunjuk bulan April, 1984. Jika dibandingkan pula dengan angka tunjuk bulan yang sama dalam tahun yang terdahulu, iaitu Mei, 1983, angka tunjuk bulan ini juga adalah lebih tinggi sebanyak 3.9 peratus.

Kenaikan angka tunjuk bulan ini adalah disebabkan oleh kenaikan angka tunjuk kumpulan-kumpulan 'Makanan' (0.4 peratus), terutamanya kerana harga-harga yang lebih mahal bagi ikan (0.4 peratus), minyak dan lemak (4.2 peratus) dan sayur-sayuran serta hasil-hasil keluaran sayur-sayuran (1.4 peratus). Sementara angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah masih tetap tidak berubah.

Barang-barang yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk bulan ini dari kumpulan 'Makanan' ialah marjarin, sayur-sayur sawi puteh, bayam dan kacang panjang dan juga ikan bakulan. Akan tetapi, kenaikan ini telah diimbangi sedikit oleh harga-harga yang lebih murah bagi terung, udang, ikan merah, temenong besar dan tenggiri.

### MANISNYA IMAN :

"DAN hendaklah mereka menjaga jangan sampai meninggalkan anak-anak (zuriat) yang lemah selepas mereka yang dikhuatiri akan sengsara. Maka hendaklah mereka patuh (takwa) kepada Allah dan mengatakan perkara yang betul." — Makna ayat 9 Surah An Nisa".



Y.T.M Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Y.T.M Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain semasa menyaksikan pameran hasil-hasil kerjatangan tersebut.

## BIDANG JAHITAN BANYAK DIUSAHAKAN BANGSA ASING

Oleh: Zubaidah H.S.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna melahirkan rasa sedih melihat keadaan ketika ini di mana usaha di bidang kerjatangan seperti jahitan lebih banyak diusahakan oleh bangsa asing.

Nampaknya di bidang tersebut, sabda Yang Teramat Mulia, mereka lebih berkemahiran serta berpengalaman, sedangkan hanya sebilangan kecil saja wanita kita yang melibatkan diri dalam jurusan ini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna bersabda demikian ketika merasmikan Pameran Hasil-Hasil Kerjatangan Pelajar-Pelajar Dewasa Urusan Rumahtangga anjuran Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa Kementerian Pelajaran dan Kesihatan seluruh negara bagi tahun 1984 yang berlangsung di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di sini pada hari Sabtu lepas.

Walau bagaimanapun Yang Teramat Mulia percaya masih banyak lagi bidang kerjatangan yang dapat diperkembangkan sama ada sebagai perniagaan sampingan atau separuh masa, umpamanya di bidang jahitan baju-baju kebangsaan kita.

Oleh yang demikian, sabda Yang Teramat Mulia seterusnya, adalah wajar bagi wanita-wanita kita mengambil sikap yang positif ke arah penglibatan dalam usaha seumpama ini sebagai satu sumbangan kepada kemajuan bangsa serta salah satu usaha mencari rezeki yang halal dan diredai Allah.

Sabda Y.T.M. lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Lihat Muka 16

Pelita Brunei

27 JUN, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## AIDILFITRI :

## KITA MENYAMBUTNYA DENGAN GEMBIRA DAN BAHAGIA

BUAT pertama kali kita menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini setelah negara kita mencapai semula tarafnya sebagai sebuah negara yang penuh berdaulat lagi merdeka. Dan Alhamdulillah, untuk kesekalian kalinya pula Hari Raya kita raikan dalam ekonomi yang memungkinkan kita semua menikmati hidup yang sejahtera lagi selesa.

Kita berhari raya dalam suasana sedemikian adalah sebahagian daripada berkat rahmat Allah s.w.t. yang memperkenankan niat murni kita untuk sentiasa berkehidupan yang harmoni dalam bermasyarakat dan bernegara. Niat kita itu kita jelmakan menjadi sikap dan pendirian dalam menempuh berbagai cabaran sehingga menjadikan kita bangsa yang menyukai keamanan dan tabah mempertahankan keamanan itu.

Pengaruh yang kuat ke atas pembentukan sikap serta pendirian sedemikian itu ialah kerana teguhnya penghayatan berugama menurut secara yang sederhana tetapi tepat. Menerusi penghayatan berugama yang sedemikian kita dengan jelas dapat merasakan akan nikmatnya menjadi bangsa yang taat kepada Allah khususnya dalam ertikata menyukai perkara-perkara yang maaruf dan membenci perkara-perkara yang mungkar. Dengan matlamat kesukaan dan kebencian yang asasnya ajaran Allah s.w.t. itu kita sentiasa memihak kepada fahaman yang tepat dalam menentukan jalan-jalan yang akan dilalui sebagai bangsa yang merdeka dalam sebuah negara yang sepenuhnya berdaulat — yang insya-Allah akan sentiasa berikhtiar pada memastikan yang kemerdekaan serta kedaulatan itu adalah untuk mendatangkan nikmat dan bukan laknat Allah s.w.t. dalam berbagai-bagai rupa malapetaka fitnah dan bencana.

Maka dengan latar belakang suasana Hari Raya yang harmoni yang merupakan rahmat Allah s.w.t. di atas keteguhan sikap dan pendirian kita itu, sudah selayaknyalah kita meraikan dan menyambut Hari Raya dengan terus-menerus dalam ketakwaan kepada Allah. Rasa kegembiraan hendaklah kita ketarakan dengan lebih mensyukuri nikmat menurut yang dikehendaki Allah. Kita seboleh-bolehnya hendaklah menghindarkan diri daripada terbawa-bawa oleh sebarang kecenderungan ke arah menyambut dan meraikan Hari Raya kita sebagaimana umat lain menyambut dan meraikan Hari Raya mereka. Dalam pada itu, kesyukuran yang kita jelmakan menerusi semangat serta perasaan muhibah terhadap satu sama lain dalam sempena Hari Raya ini sebenarnya adalah bukan sahaja menggembirakan tetapi membahagiakan kita. Dan sebagai bangsa yang berugama, kebahagiaan yang kita cari dan kita tuntut lebih dari sekadar gembira-ria apa lagi jika disertai dengan unsur-unsur maksiat.

Dalam semangat berhari raya yang mengambil kira akan ajaran Allah s.w.t. itu kita akan dapat melihat dengan jelas nasib malang yang dialami oleh saudara-saudara kita seugama di negara-negara mereka yang sentiasa dalam peperangan dan hura-hara. Kita melihat penderitaan mereka dengan penuh insaf yang setentunya akan mengukuhkan lagi sikap serta pendirian kita dalam bermasyarakat dan bernegara menerusi penghayatan berugama secara yang sederhana tetapi tepat.

SELAMAT HARI RAYA

Allahu Akhbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahil Hamd.

### Langkah pupuk pertalian antara peniaga-pengguna:

# MUTU BARANGAN PERLU DIFIKIRKAN

**BERIKUT ialah ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Haji Mohd Taib, Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam di upacara Pembukaan Rasmi "Negara Brunei Darussalam Trade Fair '84" bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 20 Jun 1984 jam 2.45 petang.**



MENTERI Pembangunan Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman semasa merasmikan pameran tersebut.

**TERLEBIH dulu izinkanlah saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada pihak penganjur Trade Fair '84 ini, atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama hadir dan seterusnya melaksanakan pembukaan rasmi Negara Brunei Darussalam Trade Fair '84 ini. Saya tidak lupa juga menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu selaku pihak penganjur pameran ini kerana usaha gigih mereka dalam mengusahakan pameran seumpama ini, yang mana kita difahamkan pameran ini adalah julung-julung kali diadakan semenjak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya. Saya percaya usaha yang sedemikian ini adalah didorong oleh perasaan semata-mata untuk meninggikan lagi imej perdagangan negara ini dalam arena perdagangan antarabangsa dan semogalah usaha seperti ini akan mencapai kejayaannya.**

Terdahulu daripada itu izinkanlah saya juga mengucapkan selamat datang kepada tetamu-tetamu kita daripada luar negeri yang ikut menyertai pameran kita hari ini. Saya telah difahamkan bahawa matlamat utama pameran ini bukanlah semata-mata untuk mempamerkan hasil-hasil dagangan dan perkhidmatan sahaja, malahan ianya juga adalah sebagai satu usaha besar peniaga-peniaga negara ini untuk menjalin perhubungan dan mengenal pasti akan potensi perdagangan mereka dengan rakanniaga mereka dari luar negeri. Usaha sedemikian, sememangnya digalakkan di negara kita ini. Akan tetapi, di sebalik galakan tersebut, peniaga-peniaga perlulah juga menyelaraskan kehendak-kehendak mereka dengan feedback yang diperlukan oleh kerajaan. Feedback yang saya maksudkan ini termasuklah keperluan untuk melatih pekerja-pekerja tempatan, di samping meningkatkan lagi process transfer of technology dari rakan-rakan kita dari luar negeri.

Dalam usaha ke arah peningkatan potensi perdagangan seperti hasrat yang tercatat dalam pameran ini, Saya kira adalah juga berpatutan bagi peniaga-peniaga, khususnya, untuk merenung mengenai dengan kehendak dan keperluan pengguna-pengguna barang-barang yang dihasilkan dan perkhidmatan yang diberikan. Kehendak dan keperluan yang saya maksudkan di sini ialah yang bersangkut-paut dengan kawalan mutu barang-barang yang dipasarkan dan perkhidmatan yang diberikan. Kita sering mendengar bahawa di negara-negara lain, misalnya, tanggungjawab sedemikian adalah dipikul dan dibebankan lebih banyak kepada pembekal-pembekal dan peniaga-peniaga itu sendiri. Usaha ini adalah disifatkan sebagai satu langkah bukan saja bagi meningkatkan lagi mutu hasil barangan dan perkhidmatan, akan tetapi yang pentingnya sebagai langkah memupuk pertalian di antara peniaga dan pengguna yang harmoni dan tidak bercanggah. Saya penuh berharap agar peniaga-peniaga akan dapat merenung dan memikirkan bersama perkara ini, agar langkah-langkah yang sesuai lagi tepat akan dapat diambil. Saya juga penuh berharap semoga pameran seumpama ini akan membuka peluang kepada yang terlibat untuk menimba pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada di pihak yang lebih ahli daripada kita dan seterusnya membentuk pengalaman dan pengetahuan tersebut menurut kehendak, intisari dan selera rasa negara dan penduduknya.




SEBAHAGIAN dari barang-barang yang dipamerkan.

Dalam majlis ini, izinkanlah juga saya menyatakan bahawa dalam langkah-langkah kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk menggalak dan meningkatkan perdagangan di negara ini, perhatian perlulah dipusatkan kepada langkah-langkah yang perlu dimainkan oleh peniaga-peniaga negara ini sendiri. Saya kira, peniaga-peniaga sendiri perlu meneliti peranan positive yang harus dimainkan ke arah peningkatan tersebut dan kerajaan, insya-Allah, akan memainkan peranannya yang efektif dan saksama dengan sedaya upayanya. Saya penuh percaya bahawa apa jua pun matlamat yang dituju dalam melaksanakan tanggungjawab utama peningkatan perdagangan negara kita ini akan dicapai dengan mudah dan berkesan sekiranya kedua-dua belah pihak bergiat dengan penuh kesedaran akan peranan positif masing-masing dengan resources dan tenaga yang terdapat.

Kesimpulannya, kita sama-sama berharap semoga Trade Fair '84 ini akan dapat meluaskan perhubungan perniagaan di antara peniaga-peniaga di dalam negara ini dengan peniaga-peniaga luar negeri, membuka pilihan yang luas kepada peniaga-peniaga tempatan kepada berbagai-bagai barang yang diperlukan, dengan menitikberatkan kepada kualiti barang-barang itu dengan harga yang penuh competitive serta bekalan yang cukup untuk menampung keperluan. Pendedahan yang seperti ini akan membolehkan peniaga-peniaga tempatan untuk bertapak dengan lebih kuat dan meninggikan bargaining power mereka.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin menyuarakan harapan semoga Trade Fair '84 ini akan bertugas sebagai perintis terhadap usaha-usaha peningkatan perdagangan yang diusahakan sepenuhnya oleh sektor swasta. Dalam apa jua bentuk peningkatan, usaha positif dari sektor swasta adalah diibaratkan sebagai asset dan pendorong utama terhadap kemajuan negara, dan saya juga berharap usaha-usaha gigih akan sentiasa ditaja dan hasil yang diharapkan akan dapat kita rasai.

Sekian, Wabillahi-taufik walhidayah wassalamualikum warahmatullahi wabarkatuh.

Dengan mendulukan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim saya dengan sukacita merasmikan Negara Brunei Darussalam Trade Fair '84 pada hari Rabu, 20 Jun 1984.

# MESTIKAH SAMBUT HARI RAYA DENGAN SERBA BARU?

APABILA Syawal menjelang, seperti tahun-tahun yang sudah, Aidilfitri disambut dengan gembira dan meriah. Tetapi mungkin juga ada yang menyambutnya dengan linangan air mata, sedih dan terharu terutamanya mereka yang kurang bernasib baik.

Oleh: Zubaidah HS.

Orang yang paling sibuk bagi menyediakan atau membuat persiapan-persiapan di Hari Raya yang mulia itu, sudah pastinya kaum ibu atau wanita. Ramai di antara suri rumahtangga sanggup berbelanja besar semata-mata untuk membuat persediaan di hari tersebut.

Ini dapat dilihat sejak di hari pertama puasa lagi pusat-pusat membeli-belah di seluruh negara sudah mula sibuk. Di Bandar Seri Begawan kesibukan itu amat ketara, terutama pada hari-hari kelepasan dan selepas waktu bekerja; kesibukan jalan raya sering berlaku dan orang ramai berduyun-duyun membanjiri pusat-pusat membeli-belah.

Pusat-pusat membeli-belah pula tidak ketinggalan dengan peranannya meletakkan berbagai-bagai poster dan iklan tawaran hari raya sebelum puasa menjelang lagi. Potongan harga sebanyak 50 peratus, 20 peratus dan 10 peratus kononnya untuk menarik perhatian orang ramai. Serta tawaran-tawaran istimewa yang disiarkan melalui berbagai sebaran am untuk menarik orang ramai, terutama kaum wanita mula ghairah membeli-belah hingga lupa pada keadaan inflasi.

Nampaknya sudah semacam satu kebiasaan, setiap hari raya disambut dengan persiapan yang besar-besaran. Bagi yang mampu pasti inginkan yang serba baru, umpamanya kain langsir harus ditukar, begitu juga dengan alat-alat perabot dan yang lain-lain seperti kerusi meja dan sarung kusyen.

Begitu juga dengan rumah yang agak begitu lama dicat semula, rumah yang kecil diperbesarkan supaya lebih kelihatan cantik dan kemas.

Langkah setengah ibu bapa yang membuat persiapan lebih awal dari itu; misalnya membeli pakaian anak-anak atau menempahnya awal-awal lagi supaya tidak kelam-kabut menjelang hari raya, adalah suatu sikap yang bijak.

Ibu bapa semacam tidak gembira kalau pakaian atau kasut dan barang-barang lain untuk anak-anak tidak dibelikan, kerana kita sendiri melihat kanak-kanak inilah orang yang paling gembira dan meriah menyambut hari yang mulia itu.

Kedai-kedai jahit di seluruh negara umpamanya sebelum bulan puasa lagi sudah sibuk menerima tempahan-tempahan baju-baju Melayu dan berbagai-bagai fesyen terutamanya kaum wanita dan anak-anak gadis yang merasa tidak lengkap kalau tidak berpakaian, berperhiasan dan mempunyai alat solek yang baru.



SEBAHAGIAN dari suri-suri rumah sibuk membeli-belah di salah sebuah pasar raya di ibu negara.

Selain dari perabot, kain langsir, pakaian dan perhiasan-perhiasan rumah, tidak juga ketinggalan yang membeli dapur gas, ramuan membuat kuih dan lain-lain keperluan untuk membuat persiapan menyambut hari raya.

Kini hanya kira-kira seminggu kita akan merayakan hari yang mulia itu, suri rumahtangga pasti sudah sibuk menyediakan berjenis-jenis kuih-muih lagi seperti kek, bingka, meruku, berbagai-bagai jenis keropok dan sebagainya.

Bagi kaum ibu yang tidak ada kesempatan membuat kuih-muih hari raya kerana kesibukan bekerja umpamanya, perkara ini tidak menjadi masalah kerana di mana-mana saja di Bandar Seri Begawan misalnya terdapat gerai-gerai yang menjual bermacam-macam jenis kuih, biskut dan lain-lain.

Pertubuhan Wanita Brunei (WI) sendiri hampir setiap tahun mengadakan jualan kuih-muihnya kepada orang ramai seperti biskut, kek dan sebagainya di Dapur Pusat Belia di ibu negara. Dan pada tahun ini jualan tersebut telah dibuka kepada orang ramai pada 20 Jun 1984 mulai jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam dan akan berakhir penjualannya dua hari sebelum hari raya menjelang.

Tapi apalah faedahnya kita mengadakan perhiasan serba baru atau membuat makanan secara yang berlebihan, sehingga akhirnya terbuang begitu saja. Sebaliknya sambutan hari yang berbahagia itu secara sederhana dengan juadah yang melimpah tetapi dengan rasa insaf dan mensyukuri nikmat yang dianugerahkan oleh Allah sebagai tanda kemenangan kerana menyempurnakan ibadah puasa.



KAD-KAD ucapan Selamat Hari Raya juga mengambil peranan yang penting.......Sekumpulan pemuda sedang memilih kad Hari Raya.



BUNGA-BUNGA plastik juga turut mendapat perhatian kaum wanita untuk dijadikan perhiasan ruang tamu rumah semasa menyambut hari lebaran (atas).

KEDAI-KEDAI kasut turut menjadi tumpuan ramai (bawah).






MINUMAN dalam tin dan botol seperti orange, coca cola, mirinda dan sebagainya sudah kebiasaan menjadi hidangan di Hari Raya.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ...... Siri ke-232



# ANAK ORANG ISLAM DIASUH OLEH ORANG KAFIR

*Soalan: Seorang Islam mempunyai seorang anak yang baharu lahir kemudian anak yang baharu itu telah diasuhkan (diangkat) kepada satu keluarga orang kafir yang berugama Buddha hingga berumur 28 tahun.*

*Kemudian setelah bapa sebenar (ayah kandung) kepada anak angkat si kafir itu sedar maka diambilnya semula anaknya itu dari bapa angkatnya yang kafir.*

*Mengikut keterangan anak itu bahawa walaupun ianya dipelihara oleh bapa angkatnya yang kafir itu akan tetapi dia tidak pernah diajarkan atau disuruh mengikut ugama Buddha iaitu ugama kepercayaan bapa angkatnya itu, sehingga dia mengaku bahawa dia tidak berugama hingga masa ini.*

*Apakah anak itu dianggap tidak berugama atau adakah ia masih seorang Islam kerana ianya dilahirkan oleh ibu bapanya yang Islam cuma ianya dipelihara oleh orang bukan Islam selama kira-kira 28 tahun?*

Jawapan: Bahawa perkara seperti anak orang Islam yang telah dibela oleh orang-orang kafir semakin lama, kemudian datang ibu bapanya yang benar mengambil semula anak itu balik pada pangkuannya, maka Kadi hendaklah berhati-hati dan bercermat, dia panggil anak dan bapanya yang sebenarnya di hadapannya dengan hadir dua saksi laki-laki menurut syarat-syarat menurut Babus-Syhadah dia bertanya bapanya adakah anak itu anaknya: Dan kemudian dia berkata kepada anak itu, awak anak kandung bapa awak itu, orang Islam biasanya dia mengucap dua kalimah Syahadah dan ia anak itu mengucap dua Kalimah Syahadat dan ia terangkan makna Kalimah Syahadat itu kepadanya, apabila ia telah mengucap dua Kalimah Syahadat, maka teranglah sekarang anak itu orang Islam.

Apabila Kadi bercermat dan berhati-hati, dan berlembut pada membawa ia mengucap dua Kalimah Syahadat, maka tiada juga ia mahu mengucap dua Kalimah Syahadat, ketika itu dapatlah dihukumkan budak itu jadi murtad dari saat itu, dan berjalan hukum murtad ke atasnya.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah:

Berkata Al-Imam Asy-Syafie Radiallahuan: Apabila didakwa di atas seseorang bahawa dia telah murtad keluar dan meninggalkan ugama Islam, padahal orang itu orang Islam, maka saya (Al-Imam Asy-Syafie) tiada mahu bertanya akan sebab membawa dia jadi murtad itu, dan saya suruh dia mengucap: "Asyhadu alla ilaha illallah, wa asyhadu anna Muhammadar Rasulullah" dan sesungguhnya awak telah berlepas diri dari segala tiap-tiap yang menyalahi ugama Islam.

WALLAHUAKLAM





# GAMBAR-GAMBAR SEKITAR SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN



BERSEMPENA dengan kedatangan Nuzul Al-Quran tahun ini satu sambutan telah diadakan di Masjid Kampung Kilanas pada petang hari Sabtu minggu lepas.

Gambar atas sebelah kiri kelihatan Y.B. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat di majlis itu. Di kiri beliau ialah Penghulu Mukim Kilanas, Datu Derma Wijaya Awang Haji Tamit bin Aspar dan Ustaz Awang Haji Ibrahim bin POKIL (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail, Pengerusi Majlis.

Salah satu acara di majlis itu ialah Khatamal Quran (gambar atas). Sementara gambar kiri ialah sebahagian dari kaum wanita yang hadir di majlis tersebut. Acara kemuncaknya ialah penyampaian hadiah-hadiah oleh tetamu kehormat kepada pemenang peraduan menulis makalah dan cerpen sempena sambutan Israk dan Mikraj anjuran Jabatan Hal Ehwal Ugama. Turut berucap di majlis itu ialah Ustaz Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah, selaku wakil penduduk Mukim Kilanas. Manakala syarahan khas telah disampaikan oleh Ustaz Awang Haji Besar bin Abu Bakar. — Gambar-gambar oleh Harun Rashid.



USTAZ Awang Haji Besar bin Abu Bakar



USTAZ Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27 Jun, 1984 hingga ke hari Selasa 3 Julai, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR Mulai | ZUHUR Berakhir | ASAR Mulai | ASAR Berakhir | MAGHRIB Mulai | MAGHRIB Berakhir | ISYAK Mulai | ISYAK Berakhir | IMSAK | SUBUH Mulai | SUBUH Berakhir | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27–30 | 12.29 | 3.48 | 3.49 | 6.39 | 6.40 | 7.51 | 7.52 | 4.52 | 4.38 | 4.53 | 6.09 | 6.10 |
| 1– 3 | 12.29 | 3.50 | 3.51 | 6.40 | 6.41 | 7.51 | 7.52 | 4.52 | 4.38 | 4.53 | 6.10 | 6.11 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# ZAKAT FITRAH PEMBERSIH PUASA

MARILAH kita sama-sama bertakwa melakukan ketaatan kepada Allah dengan mengerjakan segala apa jua perintah dan suruhan-Nya serta menjauhi segala apa jua yang dilarang-Nya.

Dengan terharu, kita beberapa hari sahaja lagi akan ditinggalkan oleh bulan Ramadan yang mulia. Jika ia pergi bermakna kita menunggu setahun lagi untuk bertemu semua tetapi bukanlah Ramadan sekarang. Ramadan sekarang akan habis masanya, dan adapun yang akan datang adalah Ramadan yang lain pula. Oleh kerana itu beruntunglah orang-orang Islam yang merebut peluang menghayati sepenuhnya bulan Ramadan yang ada ini dengan amal salih dan kebajikan sebab tidak boleh diramal adakah kita akan bertemu dengan Ramadan-Ramadan yang lain itu? Allah jua yang Maha Mengetahui-Nya.




Kerana itulah, tidak syak lagi orang-orang yang tidak memperdulikan bulan ini, yang tidak mahu menghormatinya dengan bergiat beramal di dalamnya, adalah orang-orang yang terang-terang rugi. Mereka akan menyesal di belakang hari kelak. Mudah-mudahan tidak begitu keadaan kita.

Setelah berakhir Ramadan nanti maka kewajipan berpuasa fardhu pun turut habis pula sehinggalah datang Ramadan tahun depan. Yang tinggal hanyalah puasa-puasa sunat seperti puasa pada tiap-tiap hari Isnin dan Khamis, puasa enam dalam bulan Syawal dan lain-lain sebagainya. Bagi orang-orang yang sudah sedap dan asyik dengan berpuasa selama sebulan penuh bulan Ramadan jika mereka mahu terus berpuasa maka bolehlah mereka berpuasa sunat pada waktu-waktu yang disebutkan di atas kecuali 1 Syawal ini sangat besar pahalanya di sisi Allah Subhanahu Wataala. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang bererti:

**"Barangsiapa berpuasa Ramadan lalu diikutinya dengan puasa sunat enam hari dari bulan Syawal maka seolah-olah ia berpuasa setahun penuh."**

Cara mengamalkannya sama ada dengan berturut-turut mulai dari dua hingga tujuh Syawal atau boleh juga dipisah-pisahkan seperti misalnya pada tanggal 3, 7, 9, 12, 18, 21 yakni asal enam hari di dalam bulan Syawal itu sendiri.

Paling mustahak kita sebut di sini berikutan dengan hampir berakhirnya bulan Ramadan dan datangnya Hari Raya Aidilfitri ialah tentang Zakat Fitrah. Jangan siapa yang sampai terlepas atau terlewat mengeluarkannya. Jika lewat sehingga selesai sembahyang Hari Raya maka ia tidak akan dikira zakat lagi, ia dianggap hanya sebagai sedekah sahaja sebagaimana hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam dari sahabat Abdullah bin Abas Radhiallahu Anhum lebih kurang maksudnya:

**"Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah menwajipkan supaya dikeluarkan zakat fitrah sebagai pembersih bagi orang yang berpuasa dari perkataan atau perbuatan yang tidak bermanfaat dan kata-kata yang kotor. Juga sebagai habuan memberi makna orang-orang miskin. Barangsiapa yang mengeluarkannya sebelum Sembahyang Hari Raya maka itulah zakat yang diterima dan barangsiapa yang mengeluarkannya sesudah sembahyang maka itu adalah sedekah dari beberapa sedekah."**

Berkata Al-Imam Shafie; "Bahawa boleh atau harus mengeluarkan zakat itu secara didahulukan yakni dari sejak permulaan bulan Ramadan lagi."

Demikianlah mustahak benar-benar, hendaklah diingat perkara mengelurkan zakat fitrah ini jangan sampai luput masanya yang dibolehkan atau juga senghaja tidak mahu mengeluarkannya pada hal ada cukup syarat baginya wajib keluar zakat fitrah tetapi ia belum atau tidak berzakat atau luput masanya mengeluarkan zakat itu adalah puasanya tergantung antara langit dan bumi sebagaimana hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam memberi tahu lebih kurang maksudnya:

**"Puasa Ramadan seseorang hamba itu tetap bergantung antara langit dan bumi sehinggalah ia menunaikan zakat fitrahnya.**

Apabila ia telah menunaikannya maka Allah menjadikannya ibarat burung memiliki dua sayap yang berwarna hijau yang boleh digunakan untuk terbang hingga ke langit tujuh. Dan seterusnya Allah memerentahkan supaya amalan puasa itu diletakkan dalam sebuah kendil dari kendil-kendil di Arash sehinggalah kelak datang orang yang memilikinya."

## Tak Puasa : 9 lagi didenda

BANDAR SERI BEGAWAN — Mahkamah Kadi Daerah Brunei-Muara dan Belait telah mendenda 9 orang lagi kerana didapati minum dan menghisap rokok di khalayak ramai di siang hari dalam bulan puasa ini.

Dayang Aminah binti Sulaiman, No 7 Kampong Kudai Rubbea Road, Kucing telah dihadapkan ke Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara pada 12 Jun yang lalu dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak $45.00

Awang Abu Bakar bin Taha, No. 25 Kampong Sultan Lama dan Awang Azid bin Haji Tengah, No 28 Kampong Bunut telah dihadapkan ke Mahkamah yang sama pada 14 Jun dan dikenakan hukuman denda sebanyak $40.00 tiap-tiap seorang.

Di Mahkamah yang sama juga Awang Ibrahim/Brahim bin Haji Ismail @ Awang Hitam, No 196 Kampong Sultan Lama telah dihukum denda sebanyak $45.00.

Manakala di Mahkamah Kadi Daerah Belait, Awang Salleh bin Yahya, Kampong Mumong telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak $25.00 pada 11 Jun, 1984.

Awang Adam bin Methewon @ Metussin, F20/69 A Lorong 2, Seria telah dihadapkan ke Mahkamah Kadi Daerah Belait pada 12 Jun dan didenda sebanyak $55.00

Di Mahkamah yang sama juga 3 lagi telah dihadapkan pada 13 Jun dan masing-masing telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak $25.00. Mereka ialah Awang Hamzani @ Abdul Gani bin Azmat, Kampong Piasau Ling Miri, Abdul Samad bin Haji Abd. Hamid, No 9, Kampong Perpindahan Mumong dan Awang Moktar bin Masri, E1, No: 5, Jalan Panaga Seria.

Sementara itu Mahkamah Kadi Daerah Temburong telah mendenda Jdub Alli (bangsa Bangladesh) beralamat Syarikat Haji Metusin dan Anak-Anaknya sebanyak $30.00. Ia telah dihadapkan pada 16 Jun yang lalu.

## Tiga penuntut terima pingat gangsa

KUALA BELAIT. — Tiga orang lagi penuntut Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah telah menerima pingat kepujiaan dari City and Guilds of London kerana kejayaan mereka dalam peperiksaan City and Guilds pada tahun 1982 — 1983.

Mereka itu ialah Abdul Khalid bin Hussain yang mendapat hadiah pertama Pingat Gangsa Institute bagi peperiksaan 820 Basic Engineering Trade Subjects, Mechanical. Awang Kepli bin Mohd Said yang mendapat hadiah pertama Pingat Gangsa Institute bagi peperiksaan yang sama dan Awang Yahya bin Haji Lazim yang mendapat hadiah pertama Pingat Gangsa Institute bagi peperiksaan 827, Refrigeration 1.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengetua, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah bagi pihak CGLI.

## KEUTAMAAN MALAM-MALAM PELIKURAN

SEKARANG kita umat Islam telah berada di dalam waktu yang selalunya disebut oleh orang-orang di Brunei sebagai 'Malam Pelikuran Bulan Ramadan', biasanya di malam-malam pelikuran inilah kita umat Islam akan lebih melipatgandakan usaha dalam mencari dan memuliakan suatu malam yang penuh dengan keberkatan lagi mulia. Suatu malam yang dimaksudkan itu ialah Malam Lailatulqadar. Apa yang menjadi punca keinginan kita untuk memperolehi atau mendapatkan malam yang mulia itu ialah bagi setengah-tengah orang yang hanya mengharapkan keberuntungan dunia ianya hanya mahu setiap apa yang dihajatinya atau diidam-idamkannya di dunia ini dikabulkan permohonannya oleh Allah Ta'ala di malam yang penuh berkat itu, tetapi bagi orang yang benar-benar tahu dan insaf akan dirinya bahawa ia adalah hamba Allah yang lemah, yang senantiasa kekurangan dari segi lahiriah dan batiniah akan berharapkan sesuatu di malam yang berkat itu bukan sahaja keberuntungan dunia malah juga keberuntungan di akhirat.

Inilah motif atau tujuan sebenarnya kita mencari malam Lailatulqadar. Kerana kebiasaannya malam Lailatulqadar itu akan terjadi di dalam bulan Ramadan, yang mana di bulan inilah kita umat Islam memperbanyakkan segala amalan-amalan tersebut dimakbulkan yakni di terima oleh Allah Ta'ala khususnya di malam yang penuh keberkatan itu. Kerana apabila sesuatu amalan itu diamalkan atau dikerjakan berkebetulan sesuai dengan datangnya Lailatulqadar, maka pahalanya lebih besar, lebih banyak serta lebih elok daripada amalan yang sama keadaannya yang di amalkan dalam seribu bulan yang lain, sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Qadar ayat 1 hingga 3 yang bermaksud kira-kira : "Sesungguhnya kami telah menurunkan (Al-Quran) pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah kamu apakah malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar itu lebih baik dari seribu bulan."

Dengan demikian jelaslah bahawa segala amalan itu, baik ianya berupa amalan-amalan yang wajib atau pun sunnat, adalah suatu perkara yang dijamin pahalanya boleh mengampunkan segala dosa-dosa yang terdahulu, asalkan segala amalan itu dilakukan oleh dorongan keimanan di samping mencari keredaan Allah semata-mata bukan di atas sesuatu maksud yang tertentu.

Sepertimana Sabda Rasulullah Sallalahu Alaihi Wassalam melalui hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Imam-imam Bukhari dan Muslim dari sahabat Abu Hurairah radhiallahu anhum yang maksudnya kira-kira : "Barangsiapa yang berdiri (mengerjakan sembahyang atau lain-lain amalan) pada malam qadar dengan sebab

**_Menuju keredaan Allah_**

didorong oleh keimanan serta hendak mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala maka diampunkan untuknya dosa-dosanya yang sudah-sudah." Memandangkan kepada fadhilat atau keutamaan malam Lailatulqadar itu, sudah sewajarnya kita mempergiatkan diri dalam menambahkan amalan di malam-malam pelikuran di bulan ramadan khasnya di malam-malam pelikuran yang ganjil seperti malam selikur, malam tiga likur, malam lima likur, malam tujuh likur dan malam sembilan likur.

Dari itu lipatgandakanlah segala amalan-amalan baik kita, bagi amalan-amalan itu secara terang-terangan atau secara sembunyi-sembunyi asalkan ianya adalah amalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala Sesungguhnya amalan-amalan yang dilakukan semata-mata untuk keredaan Allah Subhanahu Wataala akan mendapat keberuntungan yang besar di dunia dan akhirat, apatah lagi amalan-amalan itu kita lakukan di bulan Ramadan dan di pergiatkan atau dilipatgandakan di malam-malam kemuliaan dalam mencari dan mendapatkan fadhilat malam Lailatulqadar.

# RTB KUTIP HAMPIR $200 RIBU

BERAKAS — Tabung Persembahan Amal Aidilfitri 1984 anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei telah berjaya menerima sumbangan dari orang ramai berjumlah $198,724.69.

Menurut Pengerusi Persembahan Amal tersebut, Pengiran Ismail bin Pengiran Mohammad, hasil kutipan itu akan dibahagikan kepada tiga tabung iaitu Tabung Anak-Anak Yatim; Tabung Orang-Orang Cacat; dan Tabung Orang-Orang Buta.

Sejumlah $60 ribu dari $72 ribu yang diperuntukkan bagi Tabung Anak-Anak Yatim telah disampaikan kepada anak-anak yatim di seluruh negara dalam satu majlis yang diadakan pada pagi Khamis lepas di Bilik Bacaan Pusat Belia di sini.

Manakala bagi Tabung Orang-Orang Cacat, ianya adalah dicadangkan untuk membeli barang-barang keperluan mereka seperti alat pemeliharaan untuk 'Hearing Aid'; FM Unit untuk 'Speech Thearaphy'; Kursi Sorong; Mesin Taip 'Portable'; Basikal; dan barang-barang permainan yang mana kesemuanya dianggarkan bernilai $30 ribu.

Sementara bagi Pertuntukan Tabung Orang-Orang Buta pula dicadangkan untuk membeli mesin 'Braille' dan 'Braille Duplicating Machine' yang dianggarkan bernilai $24 ribu.

Baki kutipan tersebut menurut Pengiran Ismail akan dibahagikan sama rata dan dimasukkan ke Tabung Orang-Orang Cacat; dan Tabung Orang-Orang Buta.

Beliau bagi pihak Jawatankuasa Persembahan Amal tersebut melahirkan penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih kepada penderma-penderma yang telah menghulurkan sumbangan yang mana menurutnya bukan hanya terdiri dari orang ramai di negara ini malahan juga dari penduduk luar negeri.



PENGERUSI Kutipan Persembahan Amal Aidilfitri 1984 anjuran Radio Televisyen Brunei, Pengiran Ismail bin Pengiran Mohammed sedang menyampaikan derma hasil kutipan tersebut kepada Yang Berhormat Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan bertempat di Pejabat Yang Berhormat pada hari Rabu lepas.

## RTB derma $90 ribu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Derma sebanyak $90 ribu dari Tabung Persembahan Amal Radio Televisyen Brunei dan Tabung Anak-anak Yatim Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan bagi 1,200 orang anak-anak yatim di seluruh negara telah disampaikan pada pagi hari Khamis lepas.

Penyampaian derma tersebut disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Haji Abd Mokti bin Haji Mohd Daud dalam satu majlis yang berlangsung di Bilik Bacaan Pusat Belia di sini.

Dari Tabung Persembahan Amal RTB setiap anak-anak yatim menerima sebanyak $50.00 manakala dari Tabung Anak-anak Yatim Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan mereka menerima $25.00 seorang.

Di antara yang hadir pagi itu ialah Pegawai Daerah Brunei-Muara; Penolong Pegawai Daerah Tutong; waki-wakil anak-anak yatim dari Daerah Tutong, Temburong dan Belait; pegawai-pegawai kanan RTB, pegawai-pegawai kanan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan; penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Haji Abd Mokti bin Haji Mohd. Daud ketika menyampaikan derma kepada salah seorang anak yatim yang menerima derma pada pagi itu.

# 100 ANAK YATIM TERIMA 'DUIT RAYA'

BANGAR. — Kira-kira 100 orang anak-anak yatim di Daerah Temburong telah menerima hadiah wang tunai sempena menjelangnya Hari Raya Aidilfitri.

Hadiah-hadiah itu telah disampaikan oleh Awang Abu Bakar bin Haji Safar, Pegawai Pentadbir di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi kepada Setiausaha Tetap di jabatan tersebut yang telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, baru-baru ini.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh Awang Junaidi bin Haji Abdullah, Guru Besar Sekolah Ugama Negalang Temburong. Ini diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Temburong, Ak. Mohd. Salleh bin Pengiran Kamaluddin. Di akhir majlis doa selamat dibacakan oleh Imam Masjid Utama Mohd. Salleh, Awang Suhaili bin Ibrahim.

Antara yang hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong Awang Othman bin Awang Damit, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Penghulu-Penghulu, Ketua-ketua Kampong dan Ketua-Ketua Rumah Panjang di daerah itu.



DAYANG Siti Misah bte Kamis salah seorang dari anak-anak yatim di Daerah Temburong ketika menerima hadiah 'duit raya' yang disampaikan oleh Awang Abu Bakar bin Haji Safar, Pegawai Pentadbir di Jabatan Perdana Menteri.

# DERMA ANAK YATIM TERUS DIBUKA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai yang ingin menderma kepada Tabung Anak-Anak Yatim negara ini, terus dialu-alukan walaupun bukan dalam bulan Ramadan. Ini kerana tabung tersebut adalah sebagai tabung tetap kebajikan mereka.

Demikian dijelaskan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin di majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara, yang berlangsung di Sekolah Melayu Pintu Malim hari Jumaat lepas, seterusnya berkata bahawa kewangan dari tabung tersebut akan dipergunakan untuk faedah anak-anak yatim mengikut kesesuaian semasa.

Beliau menjelaskan setakat ini tabung tersebut hanya menghulurkan derma menjelang hari raya, namun begitu sambungnya pemeduliannya terus diambil perhatian bagi membela nasib anak-anak yatim dalam pembentukan masyarakat yang kesemuanya itu tergantung kepada kemampuan dan sokongan ikhlas dari masyarakat yang bernasib baik.

Awal dari itu Pegawai Daerah Brunei dan Muara menyatakan rasa kegembiraan kerana masyarakat negara ini sentiasa memberi perhatian kepada mereka yang tidak bernasib baik dengan menyumbangkan berbagai sumbangan mengikut ala kadar, dan di atas pemedulian mereka itu setidak-tidaknya dapat meringankan bebanan yang ditanggung.

Di samping itu katanya beberapa buah badan telah mengadakan berbagai cara demi untuk membantu anak-anak yatim dan dari sumbangan tersebut membuktikan masyarakat kita mempunyai rasa simpati dan tanggungjawab agar nikmat kemakmuran itu juga sama-sama dirasakan oleh masyarakat yang kurang bernasib baik.

Beliau mengucapkan penghargaan terima kasih kepada para dermawan dan menyatakan sumbangan-sumbangan tersebut bukan saja terhad kepada orang-orang Islam malah juga membukakan kepada semua kaum yang bukan berugama Islam untuk bersama-sama menikmati. Beliau menambah kebetulan penyampaian derma tersebut menjelang hari raya kebanyakan penerima-penerimanya terdiri dari kalangan orang-orang Islam.

Lebih dari 600 orang anak-anak yatim dari seluruh Daerah Brunei dan Muara menerima sebanyak $50.00 seorang. Terdahulu dari itu Awang Haji Tengah bin Hashim telah menyampaikan derma bernilai $500.00 kepada Pengerusi Tabung Anak-Anak Yatim, Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin ketika menyampaikan derma kepada salah seorang anak yatim.

## Sumbangan PGGMB untuk anak yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu penyampaian derma kepada 50 orang anak-anak yatim ahli-ahli Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei telah berlangsung di Dewan PGGMB di sini pada petang Rabu lepas.

Derma-derma tersebut disampaikan oleh Pemangku Yang Dipertua PGGMB, Cikgu Abdi Manaf bin Haji Abu Bakar. Pemberian derma ini adalah merupakan projek tahunan persekutuan tersebut dan diberikan kepada anak-anak yatim yang berumur 16 tahun ke bawah.

Majlis itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Kebajikan PGGMB, Awang Haji Masri bin Datu Setia Haji Yusof yang juga telah membacakan doa selamat di akhir majlis.

Di antara yang hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PGGMB.

RTB

# RANCANGAN-RANCA

## Radio minggu ini:

# MUHIBAH DI AIDILFITRI

SEHARI dua saja lagi umat Islam di seluruh dunia akan merayakan hari raya — hari kebesaran dan hari kemenangan. Sebelum tibanya hari tersebut, kita semua telah membuat bermacam-macam persediaan. Dari perkara yang nampak dilihat seperti pakaian, rumahtangga, kuihmuih dan sebagainya telahpun disediakan beberapa minggu yang lalu. Walaupun kita berbelanja sedikit tidak mengapa, kerana setahun hanya sekali saja. Yang tidak nampak iaitu rohaniah kita umpamanya sudah tergilap juga dek puasa yang kita kerjakan selama sebulan. Di Hari Raya pula kepuasan akan lebih nyata lagi bagi yang mengerjakannya dengan patuh ibadah tersebut. Dan di hari raya ini juga dengan hati bersih akan bersedia memberikan kemaafan atas dosa dan kesalahan. Di Hari Raya inilah antara satu umat muslimin dengan muslimin yang lain bermaafan. Tangan terjalin erat dan hati sahdu merestui salam dan maaf.

Melalui Radio Minggu Ini, kami Perkhidmatan Bahagian Melayu Radio Brunei tidak lupa mengucapkan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri — Maaf zahir dan batin. Dalam menjalankan tugas seharian, kesilapan dan kesalahan yang dilakukan merupakan asam garam dan permainan hidup. Kerana itu sambutlah salam muhibah di Aidilfitri ini dengan hati terbuka.

Kepada para pendengar Radio Brunei pula, diharapkan bergembiralah semuanya dengan rancangan-rancangan radio yang banyak kami sediakan cntuk menghibur saudara pendengar. Lima hari raya, berturut-turut Radio Brunei akan menyiarkan rancangan-rancangan hari rayanya.

Dan akhirnya sekali lagi kami tidak melupai menghulurkan salam muhibah dan terima kasih kepada keluarga 'Pelita Brunei,' kerana memberikan ruangan khas untuk mempromokan rancangan-rancangan Radio Brunei selama ini. Begitu juga kepada artis-artis radio yang terdiri daripada para penyanyi, para pemusik, para pelakon serta para pelawak. Juga tidak ketinggalan para penulis tanahair yang seringkali menyumbangkan bakti mereka dengan berbagai bentuk penulisan kreatif, yang dapat menjiwai keseluruhan rancangan-rancangan Radio Brunei. Sekali lagi diucapkan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri — Maaf zahir dan batin.



DENDANG Juruhebah merupakan rancangan yang menghidangkan lagu-lagu dari 'Keluarga Perkhidma[...] Radio Brunei,' yang diiringi oleh 'Seri Wana Combo' pimpinan Awang Idris Isa. Gambar atas kelihatan juruhebah yang menjayakan rancangan ini. Gambar bawah kiri Mohd Redzuan Hashim berpadu suara [...] Maskupah sementara gambar kanan kelihatan Awang Haji Abdul Manaf Haji Adam mendendangkan [...] untuk hiburan awda.







DENDANG Si Alai, merupakan rancangan untuk kanak-kanak yang akan disiarkan di Hari Raya Pertama, jam 9.00 pagi. Rancangan tersebut dijuruacarakan oleh Penyanyi Piring Hitam Kanak-Kanak dari Malaysia 'Anwar dan Elina'. Rancangan diterbitkan oleh Dk Rasinah Pg Haji Kahar (atas).



KHUSUS untuk hiburan para remaja dan untuk pendengar semua di Hari Raya yang mulia ini, rancangan DENDANG REMAJA DI AIDILFITRI akan menemui awda sekalian dalam jangka masa 45 minit. Lagu-lagu Kau Pergi Jua, Untuk Apa Kasesali dan Dia adalah di antara lagu-lagu yang menjadi pilihan penyanyi-penyanyi remaja yang menghiasi rancangan terbitan Hasnan Suhaili. Kelihatan dalam gambar, para penyanyi yang menghiasi rancangan ini (kiri) Zaafar Sarbini, Noorhayati Mohd Noor, Dk Sahanisah Pg Metali dan Mohd Abi Hurairah Haji Ghazali (gambar kiri).

## Tetamu Radio di Aidilfitri







SEMPENA Hari Raya Aidilfitri ini tetamu radio akan membawa awda bergembira bersama dengan tetamu-tetamu undangan :

- Temubual Ali Haji Aji bersama Dewi Puspa artis dari Indonesia (atas);
- Temubual Salmah Haji Abdul Rahman, bersama seniman Ahmad Termimi, dari Malaysia (tengah);
- Temubual Ak Ahmad Pg Haji Mahmud bersama Ye Je Magarita dari Indonesia;

Siarannya akan dapat diikuti pada Hari Raya Kedua jam 5.15 petang. Terbitan Salmah Haji Abdul Rahman.





RAN[...]
dan [...]
pada [...]

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.

1) PENGENDALI MESIN PEMBUAT PLAT TINGKATAN II

**Tanggagaji :** D. 3-4 EB. 5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penggambaran grafik yang berkaitan dengan kerja-kerja "layout" dan membuat plat.
b) Mestilah boleh membuat kerja-kerja "colour registration" dan "book-make-up"
c) Boleh mengendalikan kerja-kerja penggambaran hitam putih.
d) Mempunyai pengetahuan dalam kerja-kerja menyediakan "dummy" bagi menentukan bentuk susunan ke atas "plat".
e) Mestilah bersedia bekerja secara bergilir ('shift').

2) PENGATUR HURUF TINGKATAN III

**Tanggagaji :** D. 1-2 EB. 3-4 — $425-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran G.C.E. Peringkat Biasa, atau kelulusan yang sebanding dengannya dan mempunyai pengalaman bekerja sebagai pengatur huruf dalam sebuah firma percetakan.

ATAU

Telah menjalani latihan perantis sebagai pengatur huruf dengan sebuah badan latihan yang diakui. Kebolehan membuat kerja-kerja "layout" bagi suratkhabar dan buku adalah merupakan satu kelebihan.

Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir ("shift").

3) PENGENDALI MESIN PENYUSUN TAIP GAMBAR TINGKATAN I :

**Tanggagaji :** D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengaiaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam pengendalian mesin-mesin menyusun taip-gambar jenis 'direct-input' dan 'off-line' yang dilengkapkan dengan 'diak facility'.
b) Mempunyai pengetahuan dalam kerja-kerja bilik-gelap yang berkaitan dengan tugas-tugas 'Phototypesetting'.
c) Bersedia untuk bekerja secara bergilir ('shift').
d) Mempunyai kebolehan menyelarakan perjalanan kerja, iaitu mempunyai pengalaman sebagai penyelia rendah.

4) PENGENDALI MESIN PENYUSUN TAIP GAMBAR TINGKATAN II :

**Tanggagaji :** D. 3-4 EB. 5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengaiaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Mempunyai 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penyusun tiap-gambar.
b) Mempunyai pengetahuan dalam kerja-kerja bilik-gelap yang berkaitan dengannya.
c) Bersedia untuk bekerja secara bergilir ('shift').

5) PENGENDALI MESIN PENYUSUN TAIP GAMBAR TINGKATAN III :

**Tanggaggaji :** D. 1-2-3 EB. 4 — $425-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengaiaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran G.C.E. Peringkat Biasa termasuklah mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab dan mempunyai Sijil Menaip Peringkat Tertinggi.

ATAU

Telah mengikuti sesuatu skim latihan yang diakui bagi operator-operator mesin penyusun taip-gambar dan mempunyai pengalaman sebagai operator mesin penyusun taip 'hot-metal' sekurang-kurangnya selama dua tahun.

ATAU

Telah mengikuti latihan perantis dalam bidang 'phototypesetting' sekurang-kurangnya selama tiga tahun.

b) Bersedia untuk bekerja secara bergilir ('shift').

6) PENYELENGGARA STOR TINGKAT III

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengaiaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.
b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.

7) TUKANG KEBUN/PEMBERSIH

**Tanggagaji :** F. 1-2-3 EB. 4 — $350-$520 sebulan.

**Kelayakan dan Pengaiaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.
c) Pemohon-pemohon berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.
d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah diutamakan.

8) PENGENDALI MESIN PENGATUR HURUF TINGKATAN I :

**Tanggagaji :** D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja pengendalian-pengendalian mesin penyusun taip 'hot-metal'.
b) Boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil dan membuat kerja-kerja penyelenggaraan biasa.
c) Mempunyai pengalaman dalam penyelarasan susunan kerja-kerja dengan bahagian-bahagian lain di dalam sesebuah Pejabat Percetakan.
d) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir ('shift').

9) PENGENDALI MESIN PENGATUR HURUF TINGKATAN II :

**Tanggagaji :** D. 3-4 EB. 5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengaiaman :**

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja pengendalian mesin pengatur huruf yang menggunakan timah cecair. Permohonan adalah juga dipelawa dari mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja mengatur huruf dan berkebolehan untuk membuat kerja-kerja pembaikan dan pemeliharaan asas satu kelebihan.

10) PENGENDALI MESIN PENGATUR HURUF TINGKATAN III :

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengaiaman :**

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam pengendalian mesin pengatur huruf Intertype atau Linotype, ataupun masa ini sedang menjalani latihan perantis dalam pengendalian mesin pengatur huruf dan telah memuaskan pihak berkuasa latihan tentang kebolehannya untuk diterima sebagai seorang operator yang mahir.

11) PENYELENGGARA STOR TINGKAT II :

**Tanggagaji :** D. 2 EB. 3-4 — $515-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

12) PENGENDALI MESIN JILID TINGKAT II :

**Tanggagaji :** D. 2-3 EB. 4 — $515-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengaiaman :**

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam penggunaan mesin jilid. Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai pengalaman yang begitu panjang tetapi berkebolehan untuk mengendali mesin-mesin pelipat adalah dipelawa memohon.

13) PENGENDALI MESIN JILID TINGKATAN III :

**Tanggagaji :** D. 1-2 EB. 3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja menjilid dan menyiapkan bahan-bahan cetakan, dan boleh mengendalikan mesin-mesin jilid dan penyiapan bahan cetak.
b) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir (shift).

14) PENGENDALI MESIN PEMOTONG KERTAS TINGKATAN II :

**Tanggagaji :** D. 1-2 EB. 3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Boleh mengendalikan mesin pemotong kertas dan biasa dengan kerja-kerja memotong kertas putih dan bahan-bahan yang telah siap dicetak.
b) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir (shift).
Pemohon-pemohon yang tidak memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas tetapi mempunyai BJCE atau LCE dengan mendapat markah lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.
c) Bersedia untuk bekerja secara bergilir ('shift').

15) PEMBANTU BILIK GELAP :

**Tanggagaji :** D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan tiga mata pelajaran Peringkat 'O' (termasuk mata pelajaran bahasa Melayu) dalam Sijil Am Pelajaran;
b) Berpengalaman sebagai Jurugambar ATAU memproses filem.

16) PENJILID TINGKATAN IV :

Tanggagaji : F. 1-2 EB. 3 — $350-$470 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam kerja-kerja menjilid dan menyiapkan bahan-bahan cetak.
b) Mestilah bersedia untuk menghadiri kelas-kelas latihan dalam kerja-kerja mengendalikan mesin-mesin jilid sekurang-kurangnya 6 jam dalam seminggu bila-bila masa diarah.
c) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir (shift).

17) PEMBANTU PROSES :

**Tanggagaji :** D. 1-2 EB. 3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran GCE peringkat biasa dalam mata-mata pelajaran Bahasa Melayu atau Inggeris dan Ilmu Hisab.

ATAU

Pernah bekerja di bahagian penggambaran grafik dalam sebuah perusahaan percetakan dan mengetahui selok-belok kerja-kerja bilik gelap, membuat 'plat' dan 'layout' sekurang-kurangnya dua tahun.

b) Mestilah bersedia menghadiri kelas-kelas latihan sekurang-kurangnya sebanyak 6 jam seminggu selepas waktu bekerja (iaitu bagi mereka yang tidak mempunyai pengalaman industri).
c) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir (shift).

18) PENGATUR FILEM TINGKAT III :

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya. Pengalaman dalam kerja-kerja pengeluaran grafik adalah satu kelebihan.

19) PENGENDALI MESIN CETAK OFFSET TINGKATAN IV :

**Tanggagaji :** D. 1-2 EB. 3-4 — $425-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Mestilah boleh mengendalikan mesin cetak 'offset' yang kecil.
b) Kebolehan mengendalikan mesin-mesin cetak sederhana besarnya adalah merupakan satu kelebihan.
c) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir (shift).

20) JURUGAMBAR PROSES TINGKATAN I :

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman luas dalam semua aspek kerja-kerja menggambar. Kebolehan membuat kerja-kerja mengasingkan warna adalah satu kelebihan.

21) PENGENDALI MESIN CETAK OFFSET TINGKATAN III :

**Tanggagaji :** D. 2-3 EB. 4 — $515-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 2-4 tahun pengalaman dalam mengendalikan mesin-mesin percetakan.
b) Mempunyai kebolehan mengendalikan mesin-mesin cetak "offset" yang sederhana besarnya.
c) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir (shift).

22) PENGENDALI MESIN CETAK OFFSET TINGKATAN II :

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 6-8 tahun pengalaman dalam pengendalian mesin-mesin cetak yang mana tempoh 3 tahun yang terakhir ini adalah mengenai mesin-mesin cetak 'offset' yang besar.
b) Kebolehan mengendalikan mesin-mesin cetak jenis 'Web-Offset' adalah merupakan satu kelebihan.
c) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir (shift).

23) PENYEMAK

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat yang berikut :

a) Mestilah lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran G.C.E. peringkat biasa termasuklah lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Persekolahan.
b) Mestilah tahu membaca dan menulis jawi.
c) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir (shift).
d) Pengalaman dalam kerja-kerja membaca pruf adalah merupakan satu kelebihan.

24) PENGENDALI MESIN PENGAMBIL PRUF LETTERPRESS

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran/Sijil Rendah Pelajaran Brunei. Pemohon-pemohon mestilah lelaki.

25) PENGENDALI MESIN CETAK LETTERPRESS TINGKATAN II

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja pengendalian mesin cetak letterpress. Kebolehan mengendali mesin cetak SBD Heidelberg adalah satu kelebihan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 14 Julai, 1984.

Bilangan iklan : 114/1984. (E/22/78)

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Kenyataan Tawaran Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan VHF/UHF Handheld Transceivers dan Base Station untuk Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan-penentuan (Specifications) bagi VHF/UHF Handheld Transceivers dan Base Station ini bolehlah didapati dari Ibu Pejabat Penjara, Jerudong pada bila-bila masa Pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang bertutup dengan "TAWARAN KENDERAAN UNTUK JABATAN PENJARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" dan tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin pada 16 Julai, 1984.

4. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar catalogue (gambar) jenis kenderaan yang ditawarkan beserta dengan butir-butir berikut :—

i) Tarikh sampai
ii) Harga C.I.F.
iii) Lama dalam jaminan
iv) Lain-lain hal jika ada.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Muzium-Muzium

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, di Bangunan Pejabat Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 23 Julai, 1984.

Untuk membekal :—

1. 20 biji ENTOMOLOGICAL CABINET
   c/w 10 drawers (Air-tight)
   Glass top line with $\frac{1}{4}$ (Corksheet)
   Camphor cell
   Material dipakai terdiri daripada
   Kayu : Teak plywood, plywood & Teck wood.
2. 18 biji HERBRARIUM CABINET
   Kayu dipakai terdiri daripada Teak Wood.

2. Butir-butir mengenai contoh di atas bolehlah didapati dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

3. Wang cagaran mengenai perkara ini hendaklah dijelaskan sebanyak $200.00 (dua ratus ringgit) ke Bahagian Kewangan, Jabatan Muzium, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap hari bekerja biasa tidak lewat jam 3.00 petang.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN — JABATAN KERJA RAYA KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### NO: KB 46 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk :

PROJEK : "MENGADAKAN KENDERAAN BAGI MENGHANTAR GALIAN TANAH BAGI CADANGAN JALAN SUNGAI MAU — MERANGKING (DARI BATU 2 HINGGA BATU 4$\frac{1}{2}$) DAERAH BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Jun, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $600.00.

### NO: KB 47 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk :

PROJEK : "MENIMBUK DAN MERATAKAN BAGI CADANGAN JALAN MUMONG KUALA BALAI (PERINGKAT III)."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Jun, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $600.00.

### NO: KB 48 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk :

PROJEK : "MEMASANG TILE DAN LAIN-LAIN BAGI BILIK WADEN DAN PENGAWAS DI SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Jun, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: KB 49 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk :

PROJEK : "MEMBEKAL SARONG TILAM BAGI STOR PERABOT J.K.R., KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Jun, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: KB 50 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk :

PROJEK : "PEMBINAAN GRANDSTAND UNTUK SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Jun, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $300.00

### BIL: KB 51 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK : "PEMBINAAN GANDSTAND UNTUK MAKTAB ANTHONY ABELL SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Jun, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $300.00.

### BIL: KB 52 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk :

PROJEK: "PEMBINAAN JAMBATAN R. C. SEBERANG SUNGAI MAU SEPANJANG JALAN SUNGAI MAU/MERANGKING."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $600.00.

### BIL: KB 53 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk :

PROJEK No. : 84AB/PEL 068
PEMBINAAN TANDAS BAGI SEKOLAH MELAYU OKPD BUKIT SAWAT, ULU BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: KB 54 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk :

PROJEK: "CLEARING RENTIS, SAND, SAW DUST, DEBRIS FOR BADAS PUMPING MAIN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: KB 55 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk :

PROJEK : "RENOVATION TO 4 BLOCKS CLASS 'B' (ROOF) FOR GOVERNMENT HOUSE AT JALAN SERIA/KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.
Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00.

## TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### No. 44/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Julai, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam:—

PEMBEKALAN HYDRANT VALVE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3$\frac{1}{2}$, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 45/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Julai, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam:—

PEMBEKALAN BRASS GLOBE, GATE AND CHECK VALVES WITH BSP THREADED ENDS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3$\frac{1}{2}$, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 46/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Julai, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam:—

PEMBEKALAN WATER METER DAN BRASS SWIVEL BALANCING FERRULS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3$\frac{1}{2}$, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

A. BIL. PPL/80/1984
Tajuk : PLUG TOPS
Tarikh tutup : 30 Julai, 1984.
Cagaran : $300.00.

B. BIL. PPL/81/1984
Tajuk : INDUSTRIAL SAFETY BOOTS.
Tarikh tutup : 30 Julai, 1984.
Cagaran : $300.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

### BIL.. PPL/78/1984

Tajuk Kerja : MEMBAIKI DAN MEMBEKALKAN BARANG-BARANG GANTI YANG BARU
(1) INTERNATIONAL LOW LOADER
(2) 10 TONS TRAILER BEDFORD.

Tarikh tutup : 9 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Kelayakan Pemborong : Bengkel-bengkel yang mempunyai pekerja-pekerja yang berkebolehan dan berkelayakan dan mempunyai perkakas-perkakas bengkel yang lengkap.

Nota : Sebelum dokumen-dokumen diberikan kepada pihak pemborong, pemborong-pemborong mestilah memberikan keterangan-keterangan yang memuaskan kepada pejabat ini untuk meyakinkan kebolehan dan keupayaannya untuk melaksanakan kerja di atas.

## MARINE DEPT., NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TENDER NOTICE No. 5 OF 1984

**Supply of Workshop Equipment comprising Hydraulic Tools, 10 Ton Bench Press and Fittings and Electric-powered Bench Drilling Machine**

TENDERS will be recevied by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam at the office of the Permanent Secretary, Ministry of Finance, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 23rd. July, 1984. For :—

THE SUPPLY OF WORKSHOP EQUIPMENT COMPRISING HYDRULIC TOOLS, 10 TON BEANCH PRESS AND FITTINGS AND ONE UNIT ELECTRIC-POWERED BENCH DRILLING MACHINE.

2. Tenders must be placed in plain sealed envelopes with no indication on the cover or the name of the tenderer. Envelopes are to be marked "Tender for Marine Department Hydraulic and Electric Workshop Equipment."

3. Tenders must be addressed to the Chairman, Tenders Board at the address shown above.

4. Full particulars may ke obtained from the office of the Director of Marine, H.M. Customs Building, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

